



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANALISIS PERSEJARAHAN BAHARU DALAM NOVEL MELAYU TERPILIH

GHAZALI BIN TAIB



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
(PENDIDIKAN KESUSASTERAAN MELAYU)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis novel Melayu terpilih dari perspektif Persejarahan Baharu. Bagi mencapai tujuan itu, tiga objektif ditetapkan iaitu, mengenalpasti dan menganalisis hubungan kait unsur sejarah baharu dengan sejarah lama jungkir balik sejarah, pemaknaan baharu, menganalisis hubungan kait unsur sejarah baharu dengan ideologi pengarang serta menjelaskan sisipan elemen mimikri dalam novel yang dikaji. Kajian ini adalah sebuah kajian kepustakaan. Sumber utama data kajian ialah novel `1515` oleh Faisal Tehrani (2003) dan novel `Luka Nering` karya Malim Ghazali PK (2014). Data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan dan dibincangkan secara deskriptif berpandukan empat prinsip Persejarahan Baharu. Berdasarkan analisis yang dilakukan, kajian ini mendapati unsur sejarah baharu yang terdapat dalam novel mempunyai kaitan langsung dengan sejarah lama khususnya sejarah kejatuhan Melaka di tangan Portugis pada tahun 1511, sejarah pentadbiran sultan Mahmud, sejarah kesultanan Perak, sejarah pembunuhan J.W.W.Birch dan sejarah Perjanjian Pangkor. Manakala unsur sejarah baharu yang dapat dikenal pasti ialah kisah keperwirawati tokoh wanita Nyemah Mulya menentang Feringgi di Melaka, tokoh wanita memimpin armada perang Melaka dan Portugal ditakluk Melaka pada tahun 1515. Hasil kajian juga mendapati, unsur sejarah baharu berkait langsung dengan ideologi pengarang. Pengarang didapati dengan sedar menyampaikan visi politiknya supaya sejarah tentang bangsa dibetulkan dan ditulis semula dengan tujuan mengangkat maruah bangsa Melayu dan agama Islam. Berdasarkan dapatan ini, kajian ini mencadangkan supaya sejarah lama tentang penjajahan Barat di Tanah Melayu dinilai semula supaya fakta dan keterangannya lebih tepat dan sesuai dengan realiti bangsa Melayu masa kini.





AN ANALYSIS OF PERSEJARAHAH BAHARU IN THE SELECTED MALAY NOVEL

ABSTRACT

This study aimed to analyze selected Malay novels from the *Persejarah Baru* perspective. Three main objectives of the research are identifying ancient and new historicism elements, analyzing new historicism elements by scrutinizing new perspectives of historical elements from the novels and the author's ideology. The main sources of data were from the novel '1515' by Faisal Tehrani (2003) and 'Luka Nering' by Malim Ghazali PK (2014). Data were analyzed using content and descriptive analysis based on four principles of *Persejarah Baru* framework. Based on the analysis, the study found that there are elements of new history in the novel which have direct link to old historicism especially the fall of Malacca to the Portuguese in 1511, Sultan Mahmud administrative history, the Sultanate of Perak, the assassination of J.W.W.Birch and the Treaty of Pangkor. While new historicism element identified was the story of a female warrior, Nyemah Mulya who fought against the Portuguese in Malacca, she captained a fleet of ships in a fight against the Portuguese in 1515. The study also found that there were elements of a new history in the novel which were related to the ideology of the author. In addition, the study found that novels written by new authors was able to provide new evidences in correcting many false historical facts written by Western scholars, and as a consequent provides new insight in lifting the honours of the Malays and Islam. Based on these findings, this study suggests that the history of the Malay worlds which were written from the perspective of Western colonialism should be reassessed in the lights of new facts and evidences in order to give more accurate description of history in accordance with the present reality of the Malay.





KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN

PENGHARGAAN

ii

ABSTRAK

iii

ABSTRACT

iv

KANDUNGAN

v

SENARAI RAJAH

ix

SENARAI JADUAL

x



BAB 1

PENDAHULUAN

1

1.1 Pengenalan

1

1.2 Latar belakang kajian

7

1.3 Permasalahan Kajian

12

1.4 Objektif Kajian

18

1.5 Soalan Kajian

19

1.6 Definisi Operasional

19

1.6.1 Persejarahan baharu

19

1.6.2 Pemaknaan Baharu

20

1.6.3 Sejarah terkini

20

1.6.4 Jungkir Balik Sejarah

21

1.6.5 Ideologi pengarang

21

1.6.6 Mimikri

21



1.7	Batasan Kajian	22
1.8	Kepentingan Kajian	25
1.9	Kaedah Kajian	26
BAB 2	SOROTAN LITERATUR	27
2.1	Pengenalan	27
2.2	Sorotan Berkaitan Historisisme Baru Dalam Negara	28
2.3	Sorotan Berkaitan Historisisme Baru di Luar Negara	44
2.4	Sorotan Berkaitan Novel `1515` dan `Luka Nering`	49
2.5	Rumusan Sorotan Literatur	52
BAB 3	METODOLOGI	54
3.1	Pengenalan	54
3.2	Reka bentuk Kajian	54
3.3	Sumber Data dan Kaedah Analisis Data	55
3.4	Kerangka analisis <i>Persejarahan Baharu</i>	58
3.4.1	Teori <i>New Historicism</i>	58
3.4.2	Idea-idea <i>New Historicism</i>	67
3.4.3	Elemen Mimikri daripada Teori Pascakolonial	68
3.4.4	Kerangka Konsep <i>Persejarahan Baharu</i>	72
BAB 4	ANALISIS DAN PERBINCANGAN	78
4.1	Pengenalan	78
4.2	Perkaitan sejarah baharu dengan sejarah lama	79
4.2.1	Perkaitan sejarah baharu dengan sejarah lama dalam novel `1515`	80



4.2.2	Perkaitan sejarah baharu dengan sejarah lama dalam novel `Luka Nering`	97
4.3	Jungkir Balik Sejarah	118
4.3.1	Keperwirawati Wanita Menentang Feringgi	123
4.3.2	Perempuan Memimpin Angkatan Perang	127
4.3.3	Kapal Flor De La Mar Dimusnahkan Oleh Seorang Wanita	132
4.3.4	Wanita Tawanan Portugis	135
4.3.5	Alfonso de Albuquerque dibunuh oleh seorang Wanita	137
4.3.6	Sultan Ahmad Membunuh Nyemah Mulya	144
4.4	Pemaknaan Baharu	147
4.4.1	Tentera Portugal Digambarkan Tidak Hebat	148
4.4.2	Motif Untuk Mendapatkan Kepandaian Anak Melayu Melaka	151
4.4.3	Sultan dan Rakyat Melaka Sebenarnya Hebat	154
4.4.4	Kepahlawanan Nyemah Mulya	158
4.4.5	Kesetiaan Masyarakat Melaka	169
4.4.6	Keburukan dan Kejahatan Penjajah	176
4.4.7	Orang-Orang Melayu Berani dan Hebat	180
4.4.8	Orang Melayu yang tidak mudah tunduk Kepada Orang Barat	183
4.4.9	Hemah dan Bijaksana Sultan	188
4.5	Sejarah baharu dan kaitannya dengan ideologi pengarang	190
4.5.1	Visi Politik Pengarang Novel `1515`	192
4.5.2	Visi Politik Pengarang Novel `Luka Nering`	196
4.5.3	Pandangan Baharu Terhadap Sejarah	206





4.6	Sisipan Unsur Mimikri Dalam Novel	209
4.6.1	Elemen Mimikri Dalam Novel `1515`	210
4.6.2	Elemen Mimikri Dalam Novel `Luka Nering`	217
4.7	Kesimpulan	220

BAB 5 RUMUSAN DAN PENUTUP 226

5.1	Pengenalan	226
5.2	Rumusan Hasil Kajian	227
5.2.1	Sejarah baharu yang terdapat teks novel berkait secara langsung dengan sejarah lama di luar teks	227
5.2.2	Jungkir Balik Sejarah Lama	231
5.2.3	Sejarah Baharu Berkait Langsung Dengan Ideologi Pengarang	233
5.2.4	Sisipan Elemen Mimikri	235
5.3	Cadangan-Cadangan	236
5.4	Penutup	238

RUJUKAN 248

SENARAI LAMPIRAN





SENARAI RAJAH

No.Rajah

Muka Surat

1

Kerangka Konsep Persejarahan Baharu

77





SENARAI JADUAL

No.Jadual

Muka Surat

4.1	Hubung kaitan Unsur Sejarah Baharu dalam Novel `1515` dengan Sejarah NegeribMelaka	116
4.2	Hubung kaitan Unsur Sejarah Baharu dalam Novel `Luka Nering` dengan Sejarah Negeri Perak	117





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Peristiwa silam bagi sesuatu bangsa adalah sejarah yang sangat penting. Dalam kerangka membina tamadun dan kehidupan hari muka, sejarah dirujuk dan dianalisis untuk melihat signifikasinya dalam hubungan memandu dan membentuk pola-pola tindakan manusia zaman terkini terhadap sesuatu perkara yang berkait dengan makna sejarah lampau dengan makna sejarah terkini. Oleh kerana itu, sesuatu peristiwa sejarah itu seringkali diajar, disebar luas diingati, dicatat atau didokumentasikan supaya diketahui oleh seseorang atau sesuatu bangsa.

Dalam bidang kesusasteraan aspek sejarah turut menjadi satu sumber pengkayaan, kritikan dan rujukan. Peristiwa sejarah seringkali diangkat sebagai acuan yang membentuk dan mendasari penulisan karya kesusasteraan. Malah, sejarah masuk ke dalam kesusasteraan sebagai sebahagian daripada kesusasteraan itu sendiri. Kerana itu, dari segi penggenrean, terdapat genre sastera sejarah atau juga disebut sastera historiografi.





Menurut Abdul Halim Ali (2015), kesusasteraan dan sejarah tergabung dalam upaya kreatif dengan nilai-nilai kebenaran sejarah yang diceritakan. Kehadiran unsur sejarah dalam bentuk sastera berkait rapat dengan kepentingan sejarah itu pada sesuatu bangsa itu. Sejarah sering dirujuk bagi menilai segala bentuk tingkah laku masyarakat pada masa lampau dan dijadikan panduan membina peradaban manusia masa hadapan. Collingwood (1961) menyebutkan, sejarah merupakan tunggak kepada pengetahuan manusia. Sejarah menjadi bertambah penting kepada kehidupan manusia kerana kehidupan manusia itu sentiasa berubah, berkembang dan maju ke hadapan. Oleh itu, untuk menuju ke hadapan sesebuah masyarakat memerlukan sejarah.



Sastera sejarah mempunyai nilai-nilai kebenaran yang boleh dipertahankan dan juga terdapat aspek-aspek yang meragukan. Namun begitu, daripada sumber sastera sejarah inilah, masyarakat sekarang dan masa akan datang mempelajari dan memahami rupa bentuk, pertumbuhan dan perkembangan sosial budaya, politik dan pentadbiran, kenegaraan dan pemerintahan masyarakat Melayu zaman silam.

Dalam era moden, aspek sejarah juga muncul dalam kesusasteraan sebagai satu teras yang membentuk wajah sastera era moden. Pelbagai peristiwa yang berlaku dalam peperangan, revolusi dan penjajahan telah dijadikan sumber kreatif pengarang novel, drama dan puisi. Sejarah peperangan yang dialami oleh Rusia, keperwiraan Napoleon Bonaparte misalnya telah dijadikan bahan penulisan yang melahirkan karya seperti *War and Peace* oleh Leo Tolstoy dan *Charter-house of Palma* tulisan Stendhal (Mana Sikana, 1998, ms.291). Karya-karya sastera yang mengambil sejarah sebagai latar pengkaryaan disebut sebagai karya-karya beraliran realisme. Realisme





meletakkan realiti sebagai asas mengukur ketekalan karya yang sifatnya dan dapat pula menunjukkan struktur masyarakat dan konflik sosial yang berlaku. Golongan Marxisme mengambil realiti sebagai satu bentuk unggul yang dapat menjelaskan struktur dan konflik masyarakat.

Di Malaysia pula terdapat karya-karya kesusasteraan yang menggunakan sejarah sebagai latar cerita, tema dan persoalan-persoalan yang menggerakkan jalan cerita. Abdul Halim Ali (2002) menyebutkan beberapa peristiwa sejarah seperti peristiwa kejatuhan Melaka di tangan Portugis digunakan sebagai latar penceritaan dalam novel *Panglima Awang* oleh Harun Aminurrasyid, sejarah kemangkatan Sultan Mahmud II dijadikan latar susunan dialog skrip drama *Keris Laksmanna Bentan* oleh Shaharom Husain. Kisah penjajahan Jepun juga dijadikan asas pembinaan watak dan latar dalam novel *Pahlawan Rimba Malaya* oleh Keris Mas, latar perang yang berlaku di Singapura menjadi latar penceritaan dalam novel *Salina* karya A.Samad Said, peristiwa Bukit Kepong dijadikan isi cerita dalam filem 'Bukit Kepong' arahan Jins Samsuddin dan dijadikan tema dan latar dalam novel *Bukit Kepong* karya Ismail Johari.

Malah banyak lagi peristiwa sejarah Melayu di Malaysia yang digunakan sebagai latar dan jalan cerita dalam karya kreatif, pementasan drama dan juga filem. Terbaharu filem 'Merong Mahawangsa' arahan Yusri Abdul Halim yang membuktikan bahawa pengarang, dramatis dan juga pengarah filem sedia kembali kepada sejarah silam dengan melihat kepentingannya untuk generasi akan datang.





Sejarah tidak hanya wujud dalam era moden yang terkenal dengan teknologi percetakan dan tulisan, tetapi telah lama dikenali dalam era tradisional. Dalam pelbagai karya seperti *Sulalatus Salatin*, *Hikayat Hang Tuah*, *Misa Melayu*, *Merong Mahawangsa*, *tuhfat an Nafis* dan sebagainya banyak menceritakan kisah sejarah raja-raja Melayu, pentadbiran, politik dan ekonomi. Meskipun kisah sejarah ini bercampur aduk dengan unsur mitos dan legenda, namun sejarah tetap terakam sebagai satu unsur terpenting dalam teks-teks berkenaan.

Teks *Misa Melayu* susunan Raja Chulan adalah sebuah teks yang sepenuhnya adalah berkenaan dengan sejarah Perak. Isi kandungan *Misa Melayu* dikatakan tidak mengandungi dengan unsur-unsur mitos dan legenda. Sebaliknya, isi kandungan *Misa Melayu* sepenuhnya fakta sejarah berkenaan pemerintahan sultan Muzaffar, Sultan Iskandar, Sultan Mahmud dan Sultan Alauddin (Sanusi Samid:1986, p.193).

Demikian juga dengan teks kesusasteraan Melayu tradisional yang ditemui dalam alam Melayu seperti *Sulalatus Salatin*, *Misa Melayu*, *Hikayat Raja-Raja Pasai*, *Syair Perang Makasar*, *Syair Perang Menteng*, *Tuhfat an-Nafis* yang sarat dengan unsur-unsur sejarahnya. Karya-karya yang berunsur sejarah ini juga dikenali sebagai teks historiografi Melayu tradisional.





Dalam era moden, kesusasteraan Melayu di Malaysia juga terkecuali daripada bergantung pada sejarah untuk kelangsungan perkembangannya. Kesusasteraan dengan sejarah seperti tidak dapat dipisahkan. Kisah Bukit Kepong yang merupakan sebuah kisah sejarah pertempuran gerila komunis dengan anggota polis yang menyebabkan semua anggota polis terbunuh telah dirujuk untuk dijadikan sumber karya dalam drama dan filem `Bukit Kepung`.

Dalam dunia sastera di Barat, penelitian terhadap aspek sejarah dalam karya sastera telah bermula sejak tahun 1800-an dan dianggap satu-satunya kaedah penelitian yang sangat dominan berhadapan dengan teks-teks beraliran romantisisme (Mana Sikana,1998, ms.290). Sejarah peperangan yang dialami masyarakat Eropah dalam abad ke-17 dan abad ke-18 dijelmakan dalam kebanyakan teks kesusasteraan.

Turut berlaku bersama perkembangan itu ialah munculnya aliran realisme. Realiti sejarah menjadi tunggak aliran realisme yang berkembang dalam karya kesusasteraan di Eropah khusus pada abad ke-19. Sejarah yang difahami daripada perkembangan aliran ini ialah suatu gambaran kejadian sesuatu peristiwa yang benar-benar berlaku, sepertimana yang disebut oleh Umar Junus (1996) bahawa sejarah pada hakikatnya percatatan apa yang telah terjadi, walaupun baharu beberapa saat berlaku.





Mengamati sejarah daripada perspektif ini, bererti berbicara tentang zaman teks itu dihasilkan, bangsa yang terlibat, realiti peristiwa yang berlaku dan faktor-faktor yang menyebabkan penulisan karya itu. Ini bermakna, sejarah yang ditulis tidak lebih dan tidak terkeluar daripada lingkungan zaman di mana pengkarya itu hidup dan kaitannya dengan tokoh-tokoh sejarah yang hidup dalam sejarah bangsa itu. Signifikasi sejarah dalam teks kesusasteraan membentuk corak dan landasan kritikan teks yang mementingkan aspek sejarah.

Jelasnya, aspek sejarah berdiri sebagai salah satu tema yang membentuk dan mencorakkan sifat sastera itu sendiri dengan peranannya menjambatani fiksyen dengan fakta. Kehadiran unsur sejarah dalam kesusasteraan dapat mengimbangkan tuntutan kreatif pengarang yang memiliki daya imaginasi tinggi dengan tuntutan realiti dalam pengkaryaan mereka. Daripada pengaruh sejarah inilah munculnya aliran pemikiran realisme.

Hakikat daripada senario ini membuktikan sejarah merupakan salah satu aspek penting yang membina kesusasteraan dan mencorakkan pemikiran bangsa yang memilikinya. Meskipun sejarah dilihat sebagai rakaman peristiwa masa lalu, namun dalam era pascamoden, cara sejarah dilihat dan ditafsir agak berbeza, terutama dalam kalangan pendokong teori *New Historicism*. Inilah suatu fenomena baharu yang sangat menarik diperhatikan berlaku dalam kesusasteraan Melayu masa kini.





1.2 Latar Belakang Kajian

Sekian lama aliran realisme mempengaruhi pemikiran penulis dan pengkritik sastra di Barat, selama itulah aspek sejarah ini mendasari tema, persoalan dan jalan cerita sesebuah karya kesusasteraan. Kecenderungan kepada aspek sejarah ini banyak dipengaruhi pengalaman sebenar kehidupan masyarakat dan pengarang yang hidup di dalam zamannya. Dengan kecenderungan itu jugalah telah menzahirkan kaedah kritik teks berasaskan sejarah. Kaedah kritik sejarah ini kemudiannya menjadi salah satu dasar kritikan yang dominan di Eropah dengan tokoh-tokoh pentingnya seperti Taine. Dalam abad ke-20, berkembang aliran realisme yang kemudiannya mendasari dan mempengaruhi perkembangan bidang kritikan sastra di negara-negara lain di dunia termasuk Malaysia.



Walau bagaimanapun, pendekatan sejarah yang popular dalam abad ke-19 dan pertengahan abad ke-20 di Eropah mula ditolak oleh golongan Formalis dan Strukturalis. Golongan pejuang bahasa dan golongan pengajian bahasa puitis (OPOJAZ) di Rusia yang memelopori gerakan `kembali kepada sastra` menolak fungsi elemen-elemen di luar sastra seperti moral, agama, sejarah, sosial, psikologi dan pengarang sebagai elemen sastra.

Hanya bahasa yang diterima sebagai bentuk terunggul yang menggerakkan fungsi kesusasteraan, selain daripada elemen-elemen struktur dalaman teks itu sendiri. Peranan pengarang dinafikan, malah apa juga perkara yang melibatkan representasi diri dalam teks tidak diterima. Roland Barthes seorang tokoh Strukturalisme Perancis





yang mengemukakan konsep `the death of author` menjadi slogan penting fahaman golongan baharu ini.

Strukturalis menolak pandangan klasik yang menyatakan bahawa pengkarya (*author*) sebagai tempat bermulanya sesebuah karya, sumber yang menerbitkan makna dan berkuasa membuat sebarang pentafsiran (Raman Selden & Peter Widdowson 1993, p.131-132). Kerana itu, metod kritik baharu lebih terarah pada aspek-aspek dalaman (*contain*) teks sahaja dan menolak aspek-aspek kontekstual. Kritikan hanya berligar dan berpaut pada sistem dan struktur teks dan memperjelaskan saling kaitan yang ada hanya dalam lingkungan tekstual sahaja. Menurut Wilfred L Guenn, *et al* (1992), akibat daripada perkembangan itu maka berlakulah keadaan kekosongan dalam persoalan sejarah, sehinggalah akhir abad ke-20 iaitu sekitar tahun 1980-an perbincangan untuk kembali kepada sejarah mula kedengaran.

Kekosongan itu akhirnya terisi dengan munculnya gagasan baharu kritik sastera yang percaya bahawa aspek konteks (sejarah) yang dinafikan golongan Strukturalis sangat penting dalam mencari makna teks. Kaedah kritik teks berasaskan aspek tekstual mula dicabar kerana kaedah kritik itu telah mengabaikan aspek kontekstual. Beberapa orang tokoh seperti Stephen J. Greenblatt dan rakan-rakannya seperti Louis Montrose, Jonathan Goldberg dan Jerome McGann melihat bahawa sejarah merupakan satu aspek penting yang dapat memberi makna yang lebih sesuai dengan masa terkini. Sejarah baharu melihat sejarah sebagai sebuah teks sastera dan mengkritik teks dengan kaedah interpretasi yang sama, dan ia tidaklah terpisah sepenuhnya dengan perspektif *New Criticism* (Kiernan Ryan, 1996, p.xiv).





Tokoh-tokoh ini memelopori kaedah baharu dengan melihat sejarah sebagai satu unsur yang fleksibel kepada makna-makna baharu. Sejarah tidak lagi bersifat objektif sebagaimana yang difahami dalam perspektif sejarah moden. Pemahaman baharu ini juga menampilkan sejarah dalam bentuk yang pragmatik, dekonstruktif dan relatif. Jelasnya, dalam teks kesusasteraan sejarah tidak lagi utuh dengan sifat dan maknanya, tetapi relatif kepada makna-makna baharu hasil daripada pemikiran dekonstruktif itu. Menurut Sohaimi Abdul Aziz (2014), penerimaan sejarah yang dekonstruktif sifatnya ada kaitan dengan pengaruh pemikiran pascamoden seperti yang terkandung dalam teori dekonstruksi oleh Jacques Derrida.

Pada tahun 1982, istilah *New Historicism* mula dikenali apabila Stephen Greenblatt mengungkapkannya dalam pengenalan karyanya yang berjudul *Genre* (H.Aram Veaser 1989, p.xiii). Pada tahun 1987, terbit sebuah buku yang berjudul *Post Structuralism And Questions Of History* yang membahas dengan panjang lebar tentang perlunya aspek sejarah dipraktikkan semula dalam penulisan dan kritikan sastera. Aspek fungsional sejarah mula diberi perhatian dan penekanan. Keinginan untuk kembali semula kepada sejarah kian menyerlah dan diperhangatkan lagi oleh kelemahan-kelemahan teori-teori kritikan *Strukturalisme* (di Eropah) dan beberapa teori lain yang berpengaruh ketika itu seperti teori *Dekonstruksi* dan *New Critic* (di Amerika Syarikat) yang masing-masing pula sering bertelagah dari sudut dialektikalnya (Mana Sikana, 1998b, ms.292).





Pengaruh pemahaman baharu terhadap sejarah dalam kesusasteraan ini berkembang sebagai salah satu aliran baharu dalam era pascamoden. Pemahaman baharu ini juga telah melandasi kaedah baharu kritik sastera dengan menampilkan idea persejarahan baharu yang lebih reflektif pada makna-makna baharu sesuai dengan zaman terkini.

Pemahaman baharu ini juga telah menyerap masuk dalam kesusasteraan di seluruh dunia termasuk sastera di Malaysia. Satu seminar telah dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1997 berjudul *Historisisme Baru: Menjambatani Sejarah*. Selepas itu beberapa seminar lagi dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan mendapat sambutan dalam kalangan sarjana dan peminat sastera bagi mengetahui lebih lanjut idea baharu ini.



Kedudukan sejarah dalam kesuasasteraan Melayu di Malaysia juga merupakan satu perkara yang penting dan banyak mempengaruhi pemikiran pengarang. Sejarah bangsa Melayu disalin tulis oleh Tun Sri Lanang dalam teks *Sejarah Melayu*. Sejarah kesultanan Melayu Melaka, Bendahara, Laksamana lima bersaudara, pahlawan dan tokoh-tokoh istana sering digunakan dalam penulisan novel, cerpen dan juga drama Melayu. Aspek sejarah yang digambarkan dalam karya kesusasteraan lazimnya mengambil sepenuhnya aspek sejarah baik dari sudut latar masa dan tempat, watak dan perwatakan. Unsur sejarah yang dihadirkan itu hanya salinan semula sejarah lalu.





Walau bagaimanapun, dalam tahun-tahun 1980-an, 1990-an dan awal dekad abad ke-21, terdapat kecenderungan beberapa orang pengarang menggunakan unsur sejarah dalam karya dengan menampilkan pemahaman baharu terhadap sejarah. Perkara ini dapat dilihat dalam drama `Jebat Mendurhaka` karya Ali Aziz (1956), drama *Matinya seorang pahlawan* karya Usman Awang (1982), drama *Pahlawan Daerah Rodat* (1994) karya Wan Ahmad Ismail dan drama *Pasir-pasir di Pasir Salak* (2014) karya Mana Sikana.

Perkembangan baharu ini juga dilihat dalam genre novel seperti novel *1515* karya Faisal Tehrani (2003) dan novel *Luka Nering* (2014) karya Malim Ghazali Pk. Manakala genre puisi dapat dikesan dalam sajak-sajak Zurinah Hassan (2014) dan A. Halim Ali (2000, 2005, 2015). Kehadiran karya-karya yang membawa pemahaman baharu terhadap perkara yang berkait dengan sejarah orang-orang Melayu telah menimbulkan persoalan tentang motif dan tujuan perkara sejarah itu disoroti oleh pengarang dengan pandangan yang berbeza daripada konteks sejarah moden orang-orang Melayu di Malaysia di luar teks kesusasteraan.

Perkembangan baharu yang berkait dengan cara sejarah disoroti dalam teks kesusasteraan di Malaysia pada masa kini telah membuka banyak persoalan dalam kalangan sarjana dan pengkritik sastera. Mana Sikana (2013) menyifatkan perkembangan baharu ini membuka lembaran baharu dalam kesusasteraan Melayu yang mula memasuki era pascamoden. Abdul Halim Ali (2015) percaya perkembangan baharu ini merupakan satu kesan langsung pemikiran baharu sastera pascamoden yang bermula di Barat. Walau bagaimanapun, perkembangan baharu ini telah membuka ruang argumentasi tentang beberapa hal yang berkait dengan tujuan





dan motif pengarang, kerana teks yang dihantar kepada pembaca memerlukan pembaca mencari dan menghayati untuk sampai kepada makna yang sebenarnya.

1.3 Permasalahan Kajian

Sejarah bangsa dalam kehidupan orang-orang Melayu khususnya yang berkaitan dengan perjuangan menentang penjajah, pembinaan jati diri, ketinggian moral tidak pernah dikesampingkan, malah terus dijadikan obor dalam menyemarakkan semangat patriotisme dan pembinaan jati diri Melayu hingga ke hari ini. Pembikinan filem `Leftenan Adnan` misalnya bertujuan untuk menimbulkan kesedaran tentang kegigihan dan kehebatan pejuang bangsa menentang penjajahan Jepun. Sebelum ini, P.Ramlee juga telah menghasilkan filem *Sarjan Hasan* yang turut menggambarkan suasana perang, ketika tentera Jepun menawan Tanah Melayu beberapa dekad yang lalu.

Demikian juga dengan beberapa buah karya yang menggunakan latar sejarah seperti novel *Pahlawan Rimba Malaya* (1976) karya Keris Mas, *Leftenan Adnan* (2008), *Bukit Kepung* (1999) karya Ismail Johari, *Pahlawan Mat Kilau*, *Dol Said* oleh Abdul Latif Talip, novel *Anugerah* (1995) karya Zahawah Nawawi dan banyak lagi. Walau bagaimanapun, pengungkapan cerita daripada sudut latar, tema dan persoalan-persoalan, watak dan perwatakan bersifat mendatar dan sejajar dengan realiti sejarah sebenar di luar teks. Ianya sekadar mencerita semula peristiwa-peristiwa sejarah dan apa juga kisah dalam sastera Melayu lama itu sebagaimana sifatnya. Pemaparan begitu nostalgia sifatnya dan kaku persembahannya. Proses ini tidak mampu merubah atau menganjak paradigma, jauh sekali menghidupkan budaya argumentasi.





Selain daripada novel-novel yang membawa tema sejarah dengan latar sejarah masa silam yang mengisahkan peristiwa-peristiwa yang benar-benar berlaku dengan makna sejarah yang sedia ada, terdapat juga karya-karya kesusasteraan yang dihasilkan oleh sasterawan Melayu yang menampilkan perspektif baharu yang menyimpang daripada realiti dan makna sejarah silam. Apabila diperhalusi, perspektif baharu ini membawa makna baharu atau makna-makna yang dapat ditafsirkan mengikut perspektif dan pandangan dunia masa kini.

Perkara ini dapat dilihat dalam beberapa buah karya drama oleh Ali Aziz berjudul `Jebat Mendurhaka`, Usman Awang dengan drama `Matinya seorang pahlawan`, Wan Ahmad Ismail dengan drama `Pahlawan Daerah Rodat` dan Mana Sikana dengan drama *Pasir-pasir di Pasir Salak* (2015). Dalam genre novel pula dapat dilihat elemen sejarah baharu inilah seperti novel *1515* (2003) oleh Faisal Tehrani, dan novel *Luka Nering* (2014) oleh Malim Ghazali Pk. Manakala dalam genre puisi dapat dikesan dalam sajak *Sajak kepada Teja* (1996) dan *Kembali ke akar leluhur* Karya A.Halim Ali (2014).

Persepektif baharu yang tergambar daripada karya-karya ini menimbulkan pertanyaan dan persoalan tentang motif, tujuan dan makna sebenar yang ingin disampaikan pengarang. Apakah tujuan dan motif di sebalik penonjolan Hang Jebat sebagai pahlawan dalam drama *Matinya seorang pahlawan*? Demikian juga dengan penonjolan watak Nyemah Mulya dalam novel *1515* yang mampu menakluk Lisbon? Apakah motif Malim Ghazali Pk mengemukakan watak TC yang mencabar wacana sejarah kolonial?





Apakah pula tujuan penyair menampakkan watak antagonis Bendahara Melaka dalam peristiwa Hang Jebat menderhaka menentang raja Melaka? Apakah pula motif Wan Ahmad Ismail merendah-rendahkan Hang Tuah sebaliknya mengangkat watak Megat Panji Alam sebagai seorang pahlawan? Apakah tujuan A.Halim Ali menimbulkan rasa bersalah Tun Teja kepada Megat Panji Alam dan benarkah Tun Teja berpakat untuk menjatuhkan sultan Melaka dalam drama *Pahlawan Daerah rodar*?

Persoalan-persoalan ini merupakan suatu manifestasi permasalahan yang tidak mudah dirungkai jawapannya, kerana penceritaan dan pengungkapan kisah sejarah dalam teks-teks baharu kesusasteraan Melayu masa kini menunjukkan wujudnya ketidaksiharian pemahaman baharu pengarang-pengarang dengan sejarah lama. Pengarang dalam keadaan ini dilihat menggunakan peristiwa sejarah secara sedar dan selektif tatkala mengolah penceritaan supaya dapat menyakinkan pembaca, tetapi menampilkan sejarah yang lain pula di dalam ceritanya.

Apabila dibanding dengan perspektif baharu golongan New Historicism, mereka melihat dan menyoroti sejarah lama dalam pemikiran dekonstruktif, kajian ini mendapati wujud kesilarian idea tentang cara bagaimana sejarah lama disoroti. Namun, perkara ini masih tetap menimbulkan pertanyaan, apakah perkara ini suatu kebetulan atau sememangnya disadari oleh pengarang-pengarang di Malaysia tentang cara dan kaedah baharu menyoroti dan menanggapi sejarah lama dalam teks kesusasteraan.





Peristiwa sejarah silam dijadikan umpan untuk menarik perhatian tetapi dalam waktu yang sama `memasang` kail yang halus untuk memerangkap minda pembaca kepada makna baharu. Inilah fenomena `sejarah baharu` yang dikesan wujud dalam novel *1515* karya Faisal Tehrani dan juga novel *Luka Nering* karya Malim Ghazali Pk. Beberapa orang tokoh sarjana dan sasterawan telah memberikan pandangan mereka terhadap novel-novel ini seperti Mana Sikana, Abdul Halim Ali, Baharuddin Kahar dan ramai lagi.

Secara umum, pandangan-pandangan yang dilontar oleh tokoh-tokoh sarjana ini membayangkan dua buah novel ini mempunyai kekuatan tersendiri terutama dari sudut persejarahan baharunya. Benarkah novel-novel ini merupakan novel-novel yang boleh dikategorikan sebagai novel persejarahan baharu yang sejajar dengan idea teori *New Historicism*? Pokok permasalahannya ialah, justifikasi apakah yang disandarkan oleh pengarang-pengarang seperti Faisal Tehrani dan Malim Ghazali Pk untuk menanggapi sejarah dengan perspektif yang baharu ini?

Kekalahan dan kejatuhan Melaka di tangan Portugis pada tahun 1511 telah menjadi sejarah dalam sejarah bangsa Melayu. Perkara ini bukan sahaja dicatat dalam buku-buku sejarah, tetapi juga diajar kepada murid-murid dan pelajar di peringkat menengah dan pengajian tinggi. Sejarah tidak pernah menukilkan bahawa orang-orang Melayu pada tahun 1515 dapat menakluk Lisbon. Tetapi perkara ini dinukilkan oleh Faisal Tehrani dalam novelnya `1515`. Bukan setakat menakluk Lisbon, malah orang Melayu berjaya menubuhkan kerajaan Melayu Islam di Portugal dan memerintah sehingga tahun 1580.





Banyak persoalan dan pertanyaan yang berligar dalam fikiran pembaca tentang tahun 1515 yang digunakan sebagai judul novel ini, kerana kaitannya amat jelas dengan kisah yang dikisahkan dalam novel itu tentang kejatuhan Portugal di tangan orang Melayu. Lebih ironik, kejatuhan Portugis adalah di tangan seorang srikandi bernama Nyemah Mulya seorang gadis belasan tahun yang memimpin angkatan 100 buah armada perang Melayu.

Apakah sebenarnya yang ingin disampaikan pengarang dengan meletakkan seorang tokoh wanita muda belasan tahun sebagai pejuang yang mampu mengalahkan sebuah kerajaan penjajah di Barat hanya dengan menggunakan kuasa kesaktian dan ilmu persilatan?



Persoalan juga timbul tatkala mengamati watak Tengku Chik yang diberi perwatakan `tidak siuman` dalam novel `Luka Nering` kelihatan selari dengan sejarah kesultanan Perak. Namun, konteks realiti yang dihadapi Tengku Chik seperti yang digambarkan dalam novel dengan sejarah sebenar di luar teks agak berbeza. Hal ini menampakkan adanya ciri-ciri *Historisisme Baru*. Apakah pengarang sedar dan tahu bahawa apa yang dibawa ke dalam novel ini adalah tidak selari dari dengan sejarah lama?

Mengamati dan memperhalusi dua buah novel ini, tentu sekali menimbulkan banyak persoalan dalam fikiran pembaca. Persoalan-persoalan ini bukan sekadar berligar pada peristiwa sejarah yang dibawa pengarang dalam novel mereka, tetapi makna sejarah yang dilencongkan pengarang daripada makna asal sejarah di luar teks. Motif apakah yang terselindung di sebalik lencongan makna sejarah ini? Apakah pula





tujuan pengarang berbuat demikian? Pendekatan penulisan kreatif menampilkan makna baharu sejarah itu bercanggah dengan fakta sejarah yang sedia ada.

Untuk menyatakan bahawa pengarang mempunyai tujuan tertentu yang berkait dengan visi tertentu, tentulah tidak semudah yang diungkapkan. Oleh kerana teks yang ditonjolkan membawa bersamanya sejarah yang sedia ada tetap menimbulkan persoalan yang perlu dirungkaikan jawapannya. Justeru, dengan sedar menjadikan beberapa peristiwa sejarah silam Melayu sebagai landasan untuk menyampaikan makna yang baharu dan berbeza dengan maksud sejarah lampau itu.

Apabila diperhalusi novel-novel yang dihasilkan itu, terdapat kecenderungan atas apa yang dilakukan oleh pengarang-pengarang kepada tujuan untuk membuat suatu rekonstruksi sejarah. Di antara realiti sejarah Melayu silam yang telah sedia tertulis itu, mengapakah perlu ada `sejarah baharu` dalam teks kesusasteraan dan apakah pula kepentingan, tujuan dan motif sejarah silam ini disoroti dalam karya kreatif mereka dengan perspektif yang berbeza dengan makna sejarah yang sedia ada?

Kajian ini mempertanyakan, sejauh manakah elemen sejarah baharu yang dihadirkan itu mempunyai hubungan yang signifikan dengan realiti sosio masyarakat Melayu masa kini? Ataupun elemen sejarah yang dihadirkan dengan makna baharu ini semata-mata sebuah hasil kreativiti? Tanpa penjelasan akademik yang konkrit, persoalan-persoalan yang berbangkit ini berpotensi menimbulkan ruang spektikal yang boleh mendatangkan kekeliruan pembaca terhadap sejarah Melayu silam yang sedia difahami mengikut konteks sejarah yang telah tercatat dan didokumenkan dalam buku-buku sejarah.





Kajian ini bertolak dari premis bahawa pemahaman sejarah baharu yang dibawa ke dalam novel `1515` (2003) dan *Luka Nering* (2014) sangat penting diperhalusi dan dianalisis bagi melihat dan mendapat jawapan atas persoalan-persoalan yang disebutkan tadi. Sesuai dengan kedudukan dua buah novel ini yang mendapat perhatian ramai sarjana tentang keunikan dan kekuatannya dalam melahirkan idea-idea baharu melangkaui sejarah yang sedia ada.

1.4 Objektif Kajian

Berasaskan permasalahan yang dibangkitkan, analisis ke atas dua buah novel Melayu iaitu *1515* oleh Faisal Tehrani dan novel *Luka Nering* oleh Malim Ghazali Pk bertujuan untuk mencapai objektif-objektif berikut:-

- 1.4.1 Mengenal pasti unsur-unsur sejarah baharu dalam novel `1515` dan *Luka Nering* serta membincangkan hubung kaitannya dengan sejarah lama.
- 1.4.2 Menganalisis unsur-unsur sejarah baharu dalam novel `1515` dan *Luka Nering* berasaskan metod jungkir balik dan pemaknaan baharu.
- 1.4.3 Membuktikan hubung kaitan sejarah baharu yang dihadirkan dalam novel-novel dengan ideologi pengarang.
- 1.4.4 Membuktikan wujudnya elemen mimikri dalam novel yang dikaji.





1.5 Soalan Kajian

1.5.1 Apakah unsur-unsur sejarah baharu yang terdapat dalam novel Melayu terpilih dan sejauh manakah ia mempunyai perkaitan dengan sejarah lama?

1.5.2 Bagaimanakah metod jungkir balik sejarah dan pemaknaan semula dimanfaatkan pengarang bagi menzahirkan makna baharu dalam yang dikaji?

1.5.3 Sejauh manakah wujudnya perkaitan unsur sejarah baharu dalam novel-novel yang dikaji dengan ideologi pengarang?

1.5.4 Apakah elemen-elemen mimikri yang dihadirkan dalam novel-novel yang



dikaji?

1.6 Definisi Operasional

1.6.1 Persejarahan Baharu

Perkataan `Persejarahan Baharu` adalah terjemahan bagi perkataan *New Historicism* iaitu satu istilah yang diperkenalkan oleh Stephen J. Greenblatt (1996) bagi menjelaskan maksud konsep baharu sejarah dalam teks kesusasteraan. Konsep baharu mengikut kefahaman Greenblatt ialah, sejarah bukan semata-mata dokumen bersurat yang kaku sebagaimana yang ditulis oleh sejarahwan, sebaliknya sejarah dianggap sebagai satu elemen yang dinamik yang mengandungi makna-makna tersirat selain





daripada makna tersurat. Makna-makna ini pula dianggap sentiasa relatif dengan konteks sosio budaya dan sejarah terkini sesuatu bangsa.

Bagi tujuan kajian ini, Persejaraan Baharu dimengertikan sebagai satu konsep sejarah yang ditampilkan secara tekstual dengan perspektif baharu yang berbeza dengan makna sejarah yang sedia ada (sejarah lama) di luar teks.

1.6.2 Pemaknaan Baharu

Pemaknaan Semula dalam kajian ini bermaksud makna lama sejarah yang diberi makna baharu dengan perspektif baharu dalam teks yang berbeza dengan maksud sesuatu perkara sejarah meengikut perspektif sejarah lama di luar teks.



1.6.3 Sejarah terkini

Konsep sejarah terkini berkait dengan idea Micheal Foucoult yang memperkenalkan konsep *history of the present*. Konsep ini menjelaskan tentang makna sejarah baharu yang ditampilkan dalam teks kesusasteraan sebagai relevan dan signifikan dengan realiti sosio masyarakat masa kini sesuatu bangsa. Dalam konteks kajian ini, sosio masyarakat bangsa bermaksud realiti sosio masyarakat Melayu dan Malaysia masa kini.





1.6.4 Jungkir Balik Sejarah

Jungkir balik membawa maksud menjadikan kedudukan atau keadaan sesuatu terbalik yakni bertentangan dengan keadaan asal. Menjungkirkan membawa maksud menterbalikkan (*Kamus Dewan*, 2005, ms. 643). Jungkir balik sejarah bermaksud menterbalikkan sejarah lama (sedia ada) menjadi sejarah baharu yang bertentangan atau berbeza dengan sejarah lama di luar teks.

1.6.5 Ideologi Pengarang

Kamus Dewan (2005, ms. 559) mendefinisikan ideologi sebagai faham yang dipakai atau yang dicita-citakan untuk dasar pemerintahan. Ideologi menurut Mikail Bakhtin ialah bahasa dalam bentuk lambang-lambang bahasa. Bahasa ini pula adalah kegiatan sosial, kerana itu ideologi mempunyai makna dan ia mewakili atau menggambarkan sesuatu makna yang terletak di luar dirinya. Menurut Bakhtin lagi, teks kesusasteraan merupakan cerminan ideologi pengarangnya, kerana itu teks mendokong ideologi pengarang menerusi bahasa yang digunakan (Sohaimi Abdul Aziz, 2014).

1.6.6 Mimikri

Istilah mimikri (Mimicry) diambil daripada salah satu konsep yang terdapat dalam teori Pascakolonial. Mimikri menurut Bhabha (1994) ialah peniruan yang disengajakan oleh anak watan untuk mengejek-ejek penjajahnya. Manakala Ashcroft menyebutkan *`mimicry reveals the limitation in the authority of colonial discourse, almost as though colonial authority inevitably embodies the seeds of its own*





destruction` (Ashcroft, 1998, p.140). Selanjutnya Ashcroft, *et al* menyebutkan mimikri sebagai satu istilah yang penting dalam teori pascakolonial kerana ia hadir bagi menjelaskan hubungan ambivalen di antara penjajah dengan yang dijajah.

Bagi tujuan kajian ini, makna mimikri dirujuk kepada definisi yang diberikan oleh Bhabha (1994) yang membawa maksud peniruan yang disengajakan oleh anak watak untuk mengejek-ejek penjajahnya. Dalam kajian ini elemen mimikri mempunyai kaitan rapat dengan tindakan pengarang Melayu seperti Faisal Tehrani dan Malim Ghazali Pk yang menggunakan beberapa unsur pengejekan dalam penulisan novel dengan tujuan mengejek-ejek penjajah Portugis dan Inggeris.



Oleh kerana itu, kajian ini memanfaatkan konsep Mimikri sebagai pelengkap kepada konsep Persejarahan Baharu bagi mengesan dan menjelaskan unsur persejarahan baharu dalam novel-novel yang dikaji selain menampakkan kesan kesedaran untuk membina jati diri bangsa dalam diri pengarang.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini meneliti dan menganalisis sumber kajian dalam bentuk teks iaitu Novel-novel Melayu Malaysia pilihan. Dua buah novel Melayu dipilih untuk tujuan kajian ini iaitu novel `1515` (2003) karya Faisal Tehrani dan novel `Luka Nering` (2014) karya Malim Ghazali Pk. Pemilihan dua novel ini berasaskan beberapa sebab.





Salah satu asas pemilihan novel `1515` karya Faisal Tehrani adalah kerana novel ini merupakan sebuah novel yang telah memenangi hadiah Sastera Utusan. Novel ini disebut ramai sarjana sebagai sebuah novel yang menampilkan perkara baharu yang bertentangan dengan sejarah lama. Elemen pertentangan ini merupakan salah satu aspek baharu yang terdapat dalam novel ini dan menjadi suatu asas yang membangkitkan persoalan dalam kajian ini.

Selain itu, novel `1515` merupakan novel yang dihasilkan oleh seorang pengarang Melayu abad ke-21 yang paling prolifik iaitu Faisal Tehrani dan terkehadapan dalam barisan novelis di Malaysia. Karya-karya Faizal bukan sahaja sering membawa perkara baharu, tetapi juga membawa isu-isu sensitif yang seringkali menimbulkan kontroversi. Kerberanian pengarang ini membawa sejarah baharu dalam novel `1515` merupakan satu petunjuk ciri dinamika pengarang yang sentiasa menawarkan perkara nbaharu dalam karya kreatifnya.

Sementara itu, novel *Luka Nering* karya Malim Ghazali Pk dipilih bagi tujuan kajian ini kerana novel ini merupakan salah sebuah novel yang menjadi perhatian para penganalisis di Malaysia khususnya di institusi pengajian tinggi dan juga Dewan Bahasa dan Pustaka. Mana Sikana menganggap bahawa novel ini merupakan sebuah novel besar tahun 2014 yang telah dibincang dan didiskusikan dalam banyak program anjuran DBP dan juga persatuan-persatuan penulis di Malaysia. Novel *1515* ini juga dianggap sebagai novel metasejarah oleh Mana Sikana yang membawa makna baharu sejarah. Mana kala Baharudin Kahar (2015) menyebutkan novel *Luka Nering* sebagai sebuah novel persejarahan baharu yang bertujuan mengangkat kebenaran sejarah tanah air khususnya di negeri Perak.





Selain itu, novel *Luka Nering* (Tree of Sorrow) merupakan salah satu daripada dua buah novel Melayu terjemahan Malaysia yang dicalonkan untuk hadiah antarabangsa Dublin 2016. Pencalonan ini merupakan satu pengiktirafan tinggi di peringkat antarabangsa bagi sebuah novel Melayu abad ke-21. Dengan pencalonan itu juga memberi bayangan bahawa novel ini adalah sebuah novel bertaraf internasional dan wajar dikaji kekuatan isi kandungannya.

Novel '*Luka Nering*' disebut oleh pengarang Baharuddin Kahar (2015) sebagai sebuah karya yang kuat. Gaya naratif Malim Ghazali Pk sangat memukau dan mempesonakan. Elemen-elemen atau ciri-ciri sasteranya menarik dan meyakinkan. Jika kemungkinan-kemungkinan pada bab-bab penghujung novel ini diambil kira, Malim Ghazali Pk telah mula menuju ke arah gaya penulisan pascamoden yang lebih mencabar.

Jelasnya, dua buah novel ini mempunyai asas kekuatan yang mewajarkan ianya dikaji. Malah dua buah novel ini telah disebut oleh ramai sarjana sebagai novel Melayu terkini yang membawa unsur persejarahan baharu mempunyai asas yang kukuh dijadikan sumber data kajian bagi mengenal pasti aspek persesejarahan baharu dan juga untuk membuktikan kekuatan sejarah ini sepertimana yang didakwa oleh ramai sarjana dan pengkaji.





1.8 Kepentingan Kajian

Dapatan daripada kajian ini sangat penting bagi tujuan membuktikan bahawa aspek sejarah yang digunakan dalam karya kesusasteraan di Malaysia bukan bertujuan untuk mengangkat nilai sejarah itu, tetapi mempunyai tujuan-tujuan lain yang lebih kepada untuk merubah persepsi pembaca terhadap isu-isu sejarah bangsa Melayu terdahulu khususnya yang berkait dengan penjajahan dan maruah bangsa.

Selain itu, hasil kajian ini juga boleh dijadikan asas untuk memahami sejarah bangsa Melayu daripada perspektif baharu yang berbeza daripada perspektif sejarah sebenar. Dengan pemahaman baharu ini, pembaca khususnya bangsa Melayu dapat membina keyakinan baharu terhadap nilai diri dan maruah menerusi tindakan-tindakan perubahan untuk memajukan bangsanya pada masa hadapan.

Hasil kajian ini juga boleh dijadikan rujukan akademik kepada pengkaji lain yang akan membuat kajian tentang sejarah dan persejarahan baharu dalam genre-genre lain seperti drama, cerpen atau puisi. Ia sekali gus dapat memperkayakan khazanah ilmu dalam bidang kesusasteraan Melayu Malaysia.

Hasil kajian ini juga dapat menghasilkan satu kerangka konsep yang dapat dijadikan panduan secara teoretikal berkenaan makna sejarah secara tekstual. Konsep yang dimaksudkan ialah konsep Persejarahan Baharu yang dimanfaatkan daripada idea Historisisme Baru Stephen Greenblatt. Konsep Persejarahan Baru tentunya sangat berguna untuk dijadikan kerangka analisis tekstual bagi pengkaji dan





penyelidik yang melakukan kajian ke atas teks-teks kesusasteraan. Ia menyediakan landasan kritik teks yang dapat dimanfaatkan untuk kajian akademik dan juga kegiatan penyelidikan kepustakaan di peringkat sarjana muda dan juga pascasiswazah.

1.9 Kaedah Kajian

Kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif kepustakaan. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk menganalisis kandungan teks novel. Novel dibaca secara teliti bagi mengesan aspek persejarahan baharu yang terdapat di dalamnya. Data yang diperolehi dianalisis berdasarkan pada tiga prinsip *Persejarahan Baharu* iaitu hubungan persejarahan baharu dengan sejarah lama, jungkir balik dan lencongan sejarah serta hubungan kait persejarahan baharu dengan ideologi pengarang.

